

**SYARAT-SYARAT PENAWARAN PROGRAM LANJUTAN
PERINGKAT DIPLOMA LANJUTAN DAN SIJIL POS BASIK DI INSTITUT LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SESI MAC 2025**

1. SYARAT AM

- 1.1 Berumur tidak melebihi **48 tahun** pada **tarikh tutup tawaran**.
- 1.2 **Berkhidmat** sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** bagi calon **Kerajaan & Badan Berkanun** dan **dua (2) tahun** bagi calon **swasta** pada tarikh tutup tawaran.
- 1.3 Pegawai telah **disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini pada tarikh tutup permohonan.
- 1.4 Mencapai **purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun** skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2021, 2022, 2023). Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**.
- 1.5 Bagi pegawai Peningkatan Secara Lantikan (PSL), pegawai perlu disahkan dalam skim perkhidmatan terkini dan mencapai purata LNPT 85% ke atas bagi tempoh **tiga (3) tahun** dalam skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2021, 2022, 2023). Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**.
- 1.6 Pegawai **bersih/bebas** daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah.
- 1.7 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.
- 1.8 Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (termasuk ujian Hepatitis B, Hepatitis C & HIV/AIDS dan U.P.T) selepas calon terpilih untuk mengikuti Program Lanjutan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri.
- 1.9 Pegawai bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti di Lampiran A.

- 1.10 **Pegawai Kerajaan yang menarik diri dari mengikuti latihan setelah menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia akan dikenakan penalti dan tidak layak memohon selagi ikatan kontrak dengan Kerajaan masih berjalan.**
- 1.11 **Pegawai yang menolak tawaran latihan bagi sesi sebelum ini tanpa alasan yang munasabah adalah tidak layak memohon dalam tempoh dua (2) tahun terakhir.**
- 1.12 **Pegawai yang sedang mengikuti latihan Program Lanjutan di mana-mana ILKMM pada masa ini adalah tidak layak memohon.**
- 1.13 **Pegawai wanita hamil tidak layak memohon. Calon juga tidak dibenarkan hamil sepanjang tempoh pengajian.**
- 1.14 **Memiliki Sijil Amalan Profesional yang masih sah (sekiranya berkenaan).**
- 1.15 **Pegawai yang telah mengikuti cuti belajar kurang 12 bulan tetapi melebihi 3 bulan di dalam atau luar negara, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada di dalam atau luar negara selepas genap satu (1) tahun tamat mengikuti kursus terdahulu dengan jayanya.**
- 1.16 **Pegawai yang telah mengemukakan permohonan pertukaran/dalam proses pertukaran tempat bertugas TIDAK LAYAK dipertimbangkan untuk mengikuti Program Lanjutan.**

2. SYARAT-SYARAT KHAS

Syarat-syarat khas kursus adalah seperti berikut:

2.1 Diploma Lanjutan Kebidanan

- (a) **Memiliki Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu (PSI) yang menggunakan modul latihan: *Breastfeeding Promotion and Support: A Training Course for Health Professionals*, MOH, 2009 termasuk 3 jam latihan amali, seperti berikut:**

- i. Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu mestilah **mulai dari tahun 2009**; dan
- ii. **Minimum 20 jam kursus termasuk 3 jam latihan amali**;

(b) Modul latihan bagi kursus PSI 13@18 jam adalah **tidak setaraf** dengan kursus 20 jam.

2.2 **Diploma Lanjutan Penjagaan Paliatif**

(a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam perkhidmatan penjagaan Paliatif

2.3 **Diploma Lanjutan Perawatan Gerontologi**

(a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang penjagaan geriatrik.

2.4 **Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan**

(a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam penjagaan kecemasan; dan

(b) Memiliki **Sijil *Basic Life Support*** yang masih sah.

2.5 **Diploma Lanjutan Penjagaan Diabetes**

(a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam pengurusan penjagaan Diabetes.

2.6 **Diploma Lanjutan Penjagaan Ortopedik**

(a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam penjagaan Ortopedik..

2.7 **Diploma Lanjutan Penjagaan Otorinolaringologi**

(a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam penjagaan Otorinolaringologi.

2.8 **Diploma Lanjutan Pengimejan Kecemasan dan Trauma**

- (a) Mempunyai pengalaman bertugas **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** dalam Pengimejan Kecemasan dan Trauma dalam tempoh tiga (3) tahun terkini perkhidmatan.

2.9 **Diploma Lanjutan Penjagaan Kesihatan Primer**

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam penjagaan Kesihatan Primer.

2.10 **Diploma Lanjutan Penjagaan Oftalmologi**

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** atau yang sedang bertugas di unit berkaitan.

2.11 **Sijil Pos Basik Kejururawatan Kesihatan Awam**

- (a) Mempunyai **Sijil Kebidanan Bahagian I / Diploma Lanjutan Kebidanan;** dan
- (b) Pengalaman klinikal sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** dalam bidang tersebut.

2.12 **Sijil Pos Basik Anestesia**

- (a) Keutamaan kepada calon yang bertugas di dewan bedah atau unit Anestesia serta bidang yang berkaitan.

2.13 **Sijil Pos Basik Perawatan Rehabilitasi**

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan di Unit Rehabilitasi

2.14 **Sijil Pos Basik Penjagaan Peri-Anestesia**

- (a) Keutamaan kepada *Anaesthetic Assistants* di *Operation Theater* dan juga Penolong Pegawai Perubatan di Unit Rawatan Rapi.

2.15 **Sijil Pos Basik Perawatan Gastrointestinal Endoskopi**

- (a) Mempunyai pengalaman bertugas **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan gastroenterologi.

2.16 **Sijil Pos Basik Sediaan Farmaseutikal Steril**

- (a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Penolong Pegawai Farmasi; dan
- (b) Mempunyai pengalaman bertugas **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di Unit *Parenteral Nutrition, IV Admixture* dan *Cytotoxic Drug Reconstitution*.

2.17 **Sijil Pos Basik Pengurusan Penjagaan Luka**

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan luka.
- (b) Keutamaan kepada pegawai yang bertugas dalam **Pasukan Penjagaan Luka** di hospital.

2.18 **Sijil Pos Basik Perawatan Nefrologi**

- (a) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di Jabatan Nefrologi.

2.19 **Sijil Pos Basik Penjagaan Stoma dan *Continence***

- (a) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan Stoma dan *Continence*